



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**  
(JURNAL HARIAN)

---

**PADA HARI ISNIN, 20 SYA'ABAN 1444 / 13HB MAC 2023  
(HARI KELAPAN)**

**1. DO'A SELAMAT**

**2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**2.1. KENYATAAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT AHLI RASMI KERANA JAWATAN**

2.1.1. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah menyampaikan kenyataan bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebelumnya oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

**2.2. KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

2.2.1. Jawatankuasa telah menyambung bagi menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pendidikan iaitu Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A.  
2.2.2. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, iaitu:

- i. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan
  - Mencadangkan agar Kementerian Pendidikan menyerapkan penyertaan penuntut-penuntut sekolah dalam acara-acara nasional dan kebangsaan sebagai satu subjek khusus bagi meningkatkan semangat kekitaan di kalangan penuntut;

- Ingin mengetahui keberkesanan pembelajaran Kaedah Gabungan Bunyi-Kata (KGBK) bagi Tahun 1 hingga Tahun 7;
- Berpendapat agar urusan menempatkan pensyarah-pensyarah baru bagi menggantikan pensyarah tamat kontrak untuk diteliti dan diberi perhatian sewajarnya supaya kursus-kursus tidak tergendala;
- Menyoalkan mengenai usaha dan rancangan pihak kementerian dalam meningkatkan jumlah guru-guru dalam *Special Education Needs Assistance* (SENA) yang diperlukan di sekolah-sekolah.

ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub

- Menyentuh mengenai dengan isu-isu yang disuarakan oleh guru-guru dan tenaga pengajar iaitu mengenai tekanan yang dihadapi oleh sebab kekurangan kakitangan;
- Menyoalkan mengenai usaha dan perancangan kementerian dalam menangani isu kekurangan dan bebanan tugas guru;
- Mencadangkan supaya tugas-tugas yang tidak berkaitan dengan mengajar untuk dilaksanakan oleh *supporting staff*;
- Menyentuh mengenai keanggotaan Unit Kemudahan-Kemudahan, Bahagian Penghapusan dari Kira-Kira, Kementerian Pendidikan, di mana unit tersebut menghadapi isu disebabkan oleh kekurangan kakitangan;
- Ingin mengetahui jumlah guru-guru *Centre for British Teachers* (CfBT) pada masa kini; dan keberkesanan pengajaran mereka terhadap pelajar-pelajar mengenai subjek Bahasa Inggeris terutamanya peperiksaan *GCSE 'O' Level*; dan seterusnya jika terdapat rancangan bagi menggantikan mereka dengan guru-guru tempatan.

iii. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann

- Ingin mengetahui mengenai sekolah-sekolah yang mempunyai sejarah yang ditutup disebabkan kekurangan pelajar, dan ingin pertimbangan dari Kementerian Pendidikan supaya nilai-nilai sekolah ini dapat dipertahankan.
- Menyoalkan jika pihak kementerian mempunyai perancangan untuk membuat bangunan kekal di Sekolah Rendah Merangking di kawasan Bukit Sawat.
- Mencadangkan agar bengkel dan kursus pendek yang melibatkan guru-guru di Daerah Belait untuk diadakan di daerah yang sama atau tempat yang berdekatan.

iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim

- Ingin mengetahui adakah sistem pemantauan yang digunakan oleh pihak Kementerian Pendidikan dalam memantau pencapaian prestasi sekolah-sekolah memuatkan *independent assessment* pihak ketiga; dan apakah program intervasi yang akan dilaksanakan untuk membantu sekolah dan penuntut-penuntut sekiranya prestasi sekolah-sekolah di bawah sasaran;
- Menyoalkan sekiranya ada sudah buat penelitian akan subjek-subjek yang diperolehi oleh penuntut yang telah mendapatkan sekurang-kurangnya 5 O'level pada tahun 2022;
- Menyoalkan apakah usaha pihak Kementerian untuk memperluaskan kemahiran *STEAM*;
- Menyoalkan sama ada *digitalization infrastructure* termasuk *software* telah tersedia, mencukupi dan siapsiaga bagi memenuhi tuntutan untuk memastikan penuntut *adaptable* kepada sistem *digitalization*;
- Menyoalkan sejauh mana kita telah menyediakan kapasiti *building* bukan sahaja dari segi akademik tetapi cara sistem pendidikan kita mengolah atau mengadun cara berfikir pelajar secara holistik untuk memuatkan strategik, taktikal, *positive thinking* dan sikap keterbukaan dalam pembelajaran dengan tidak menjelaskan amalan MIB;

- Menyoalkan apakah usaha Kementerian Pendidikan dalam memastikan setiap penduduk dalam lingkungan umur persekolahan wajib untuk mengikuti persekolahan; dan menyoalkan apakah strategi atau program yang lebih menyeluruh untuk membantu penuntut-penuntut dari keluarga yang diberikan bantuan agar dapat menghadiri persekolahan;
- Memohonkan penjelasan sama ada guru-guru *Local Contract Teachers* diberi tugas sebagai *trainers* kepada guru-guru yang baharu, dan apakah jenis latihan yang telah dan akan diberikan.
- Menyoalkan adakah Kementerian Pendidikan mempunyai perancangan untuk menempatkan guru-guru *Local Contract Teachers* menjalani *attachment* di sekolah swasta milik kerajaan untuk menimba pengalaman dan tatacara pengajaran dan pembelajaran;
- Memohonkan penjelasan mengenai program yang telah dilaksanakan setakat ini dan yang akan dilaksanakan bagi memberikan perkhidmatan kepada pelajar-pelajar yang berkeperluan khas;
- Mencadangkan untuk diadakan Skim Khas bagi tenaga pengajar yang mengajar pelajar berkeperluan khas; dan mencadangkan untuk dimasukkan bidang ini sebagai salah satu kategori pemberian biasiswa;
- Menyoalkan bila perubahan gabungan skim pendidikan biasa dan ugama akan mula dilaksanakan; apakah strategi untuk mengintegrasikan perubahan ini; dan adakah persediaan dari segi logistik, penjadualan dan pemberigaan sudah dibuat bagi memastikan transisi berjalan dengan sempurna dan teratur.

v. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir

- Telah menyarankan agar aktiviti-aktiviti *Community Outreach Programme* akan terus diperkasakan bagi mengimbangi pendidikan *formal* dan pengetahuan am atau sivil;
- Ingin mengetahui jika pihak kementerian terdapat inisiatif atau perancangan bagi penambahbaikan terhadap bangunan Sekolah Menengah Sultan Hassan yang lama.

- vi. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman
- Ingin mengetahui jika kementerian membuat pemantauan ke atas sekolah-sekolah swasta dan apakah syarat-syarat khusus yang perlu dipatuhi untuk menubuhkan sekolah swasta.
- vii. Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed
- Ingin mengetahui jika terdapat usaha-usaha yang diungkayahkan oleh Kementerian Pendidikan untuk mempromosikan pendidikan tinggi negara di peringkat serantau dan antarabangsa dan jumlah pelajar antarabangsa yang sedang menuntut di pendidikan tinggi Negara Brunei Darussalam pada masa ini;
  - Ingin mengetahui jumlah graduan tempatan telah berjaya bekerja di luar negara;
  - Mohon pencerahan terhadap para graduan yang harus menjalani latihan tambahan selama satu tahun.
- viii. Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam
- Memohon pencerahan terhadap peluang bagi guru-guru *local contract teachers* diberikan jawatan tetap melalui program perantis yang sudah mereka lalui;
  - Mencadangkan supaya guru-guru berkenaan diberi keutamaan untuk menjawat jawatan tetap, mengambil kira kompetensi dan pengalaman kerja mereka;
  - Menyoalkan kenapa para guru lebih menggunakan media sosial sendiri daripada talian-talian kesejahteraan khas yang telah disediakan oleh pihak kementerian sebagai kegunaan dalam menyuarakan masalah mereka;
  - Ingin mengetahui apakah antara inisiatif yang telah dan akan dibuat oleh Kementerian Pendidikan bagi menangani isu penggunaan media sosial ini dan seterusnya mencadangkan supaya talian kesejahteraan dapat ditambah baik dan dikendalikan oleh pegawai-pegawai kaunseling yang bukan dari kalangan

pegawai-pegawai dalam kementerian bagi memastikan identiti dijamin kerahsiaannya.

---

## **[MAJLIS MESUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]**

---

### **2.3. KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

- 2.3.1.** Jawatankuasa telah menyambung untuk menimbaangkan tajuk dibawah Kementerian Pendidikan iaitu Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A.
- 2.3.2.** Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah diberikan ruang untuk untuk menyampaikan pendapat dan persoalan mereka, dan telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, iaitu:
- i. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin
    - Ingin mengetahui jika Kementerian Pendidikan membuat peruntukan yang cukup untuk memastikan kualiti penyampaian kursus ataupun program, prasarana serta kemudahan peralatan yang mencukupi untuk membolehkan *IBTE* mencapai prestasi yang cemerlang;
    - Menyoalkan berapakah peruntukan 2023/2024 yang disediakan bagi mengambil tenaga pengajar dari CfBT; dan jika pihak kementerian mempunyai rancangan untuk mengganti guru-guru CfBT dengan guru-guru tempatan;
    - Ingin mengetahui sekiranya pernah dibuat penilaian berkaitan pencapaian tenaga pengajar CfBT dan hasil pencapaian pelajar-pelajar mereka; dan sekiranya pihak kementerian mempunyai exit strategy bagi tenaga pengajar CfBT.

- ii. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin
- Menyoalkan bagaimana pelajar-pelajar akan dapat meneruskan pelajaran mereka apabila masuk ke Tahun 4 sekiranya tidak menguasai bidang numeracy dan literacy;
  - Mencadangkan pihak Kementerian mengatasi masalah keciciran pelajar dengan mencari kaedah-kaedah pembelajaran dan pengajaran, dan memanfaatkan pakar-pakar yang ada dengan pendekatan yang terkini;
  - Menyoalkan mengapa tahap peratus anggaran pada tahun 2023 sehingga 2026 adalah mendatar pada kadar 46.3%; mencadangkan agar untuk sasarkan peratus yang lebih tinggi daripada yang telah dicapai sebelumnya;
  - Mencadangkan bagi sekolah teknikal dan vokasional untuk ditambah, dan dibangunkan di Daerah Tutong dan Daerah Temburong; dan mencadangkan untuk membuat penambahbaikan bagi peralatan-peralatan di sekolah-sekolah yang sedia ada.
  - Menyarankan agar program Master in Educational Management untuk ditawarkan semula di Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam.
- iii. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin
- Mencadangkan untuk mengaplikasikan *Whole of Nation approach* dalam menangani isu-isu pendidikan iaitu dengan melibatkan penyertaan dari kumpulan awam atau komuniti yang berkepentingan di luar kementerian dan kerajaan samada dengan memberikan *independent analysis* atau *alternative viewpoint*.
  - Ingin mengetahui hasil dan analisis data dan cadangan untuk memberi gakan dan menerbitkan penemuan *key finding* daripada penganalisaan yang dibuat terhadap keputusan-keputusan peperiksaan.
  - Mencadangkan supaya para pelajar yang kurang berasis baik dipantau dan diperhatikan agar mereka tidak terjebak dengan masalah sosial di masa hadapan.

- Mencadangkan supaya prasarana sekolah seperti dewan dan padang dibukakan kepada komuniti dan hasil sewa boleh digunakan oleh *Parents Teachers Association* (PTA) untuk menjalankan projek-projek untuk membantu pelajar-pelajar kurang berkemampuan.
  - Memohon pencerahan mengenai pelan pihak kementerian bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan agensi-agensi sukan negara untuk memajukan sukan negara khususnya dari segi arah tuju Sekolah Sukan.
  - Mencadangkan supaya IBTE menggunakan orang-orang lepasan industri untuk menjadi tenaga pengajar di institusi-institusi tersebut, walaupun tidak mempunyai kelayakan akademik sebagai tenaga pengajar.
  - Mencadangkan agar kementerian, Universiti-Universiti dan Institut Pendidikan Tinggi menyelaraskan dan melaporkan petunjuk prestasi utama seperti *employment rate*;
  - Memohon penjelasan apakah Kementerian Pendidikan juga bertanggungjawab dengan pemantauan dan *quality assurance* Institusi Pendidikan Tinggi swasta.
  - Ingin mengetahui jika *Programme for International Student Assessment* (PISA) boleh dijadikan sebagai indikator dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.
- iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman
- Ingin mengetahui sejauh manakah latihan atau pengetahuan yang diperolehi oleh guru-guru telah diaplikasikan untuk membawa perubahan positif kepada pembelajaran di dalam kelas dan bagaimanakah ianya dipantau;
  - Menyoalkan adakah 49.7 peratus guru daripada 90 peratus yang disasarkan oleh pihak kementerian tidak mempunyai kemahiran dan kelayakkan; jika benar, apakah sebab utama kita tidak dapat melahirkan guru-guru yang berkemahiran;

- Menyoalkan mengenai peranan Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education (SHBIE) dalam melahirkan guru-guru yang berkemahiran, dan sejauh manakah program yang ditawarkan menepati keperluan pendidikan ini di pelbagai peringkat di negara ini;
  - Menyoal tentang tindakan yang telah dibuat oleh universiti-universiti bagi graduan-graduan mudah mencari pekerjaan;
  - Berpandangan bahawa pemimpin sekolah untuk dipertimbangkan untuk dihulurkan elaun; dan bagi Skim Perkhidmatan Guru-Guru untuk diberikan perhatian sewajarnya.
- 

**[MAJLIS MESUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI SELASA, 14HB MAC 2023 JAM 9.30 PAGI]**

---